

**KEHENDAK SHARIAH DALAM AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN  
ISLAM 2013 (AKTA 759): SATU TINJAUAN**

*oleh*

**MOHAMMAD AZAM HUSSAIN\***

**RUSNI HASSAN\*\***

**AZNAN HASAN\*\*\***

**ABSTRAK**

*Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Akta 759) adalah merupakan Akta terkini yang diluluskan oleh Parlimen Malaysia untuk mengawalselia sektor perniagaan kewangan Islam di Malaysia. Akta ini mula berkuatkuasa pada 30 Jun 2013 dan telah memansuhkan Akta Bank Islam 1983 (Akta 276) dan Akta Takaful 1984 (Akta 312). Akta ini mengandungi peruntukan-peruntukan bagi pengawalseliaan dan penyeliaan institusi kewangan Islam, sistem pembayaran dan entiti berkaitan yang lain dan pengawasan pasaran wang Islam dan pasaran pertukaran asing Islam untuk menggalakkan kestabilan kewangan dan pematuhan Shariah dan bagi perkara yang berhubungan, berbangkit atau bersampingan dengannya. Objektif utama Akta ini adalah untuk menggalakkan kestabilan kewangan dan pematuhan Shariah. Dalam usaha memastikan aspek kepatuhan Shariah, Akta ini memasukkan peruntukan-peruntukan khusus berkaitan dengan kehendak Shariah untuk dipatuhi sepenuhnya oleh institusi-institusi kewangan Islam. Artikel ini akan meninjau dan membincangkan peruntukan-peruntukan berkaitan serta menjelaskan juga kesan-kesan sekiranya berlaku kemungkinan*

*oleh mana-mana pihak dalam mematuhi peruntukan-peruntukan terbabit.*

*Katakunci: Akta Perkhidmatan Kewangan Islam; Kepatuhan Shariah; Tadbir Urus Shariah, institusi Kewangan Islam, Undang-undang Islam.*

## **PENDAHULUAN**

Tahun 2013 memperlihatkan perubahan lanskap kerangka undang-undang yang mengawalselia sistem kewangan Islam di Malaysia dengan berkuatkuasanya Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Akta 759) (selepas ini dirujuk sebagai “APKI”). APKI telah memansuhkan Akta Bank Islam 1983 (Akta 276) (selepas ini dirujuk sebagai “ABI”) dan Akta Takaful 1984 (Akta 312) (selepas ini dirujuk sebagai “AT”). IFSA yang digubal oleh Parlimen dan mula berkuatkuasa mulai 30 Jun 2013 telah menyediakan kerangka pengawalseliaan aktiviti kewangan Islam oleh institusi-institusi yang berada di bawah penyeliaan Bank Negara Malaysia (selepas ini dirujuk sebagai “BNM”).

Secara umumnya, APKI adalah merupakan suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pengawalseliaan dan penyeliaan institusi kewangan Islam, sistem pembayaran dan entiti berkaitan yang lain dan pengawasan pasaran wang Islam dan pasaran pertukaran asing Islam untuk mengalakkan kestabilan kewangan dan pematuhan Shariah dan bagi perkara yang berhubungan, berbangkit atau bersampingan dengannya. Keadaan ini secara langsung menjadikan APKI sebagai Akta tunggal dalam mengawalselia institusi-institusi perkhidmatan kewangan Islam yang berada di bawah penyeliaan BNM. Ini juga menjadikan APKI mempunyai ruanglingkup pengawalseliaan yang lebih luas berbanding dengan ABI dan AT yang digubal secara khusus bagi mengawalselia bank-bank Islam dan

pengendali-pengendali takaful.

APKI juga tidak menghalang institusi yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Akta 758) (selepas ini dirujuk sebagai APK) untuk menjalankan perniagaan kewangan Islam. Namun institusi terbabit mestilah mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada BNM.<sup>[1]</sup> Selain itu, syarat penting ditetapkan oleh APK, institusi yang hendak menjalankan perkhidmatan kewangan Islam adalah tertakluk dan perlu memenuhi kehendak peruntukan APKI yang terkandung dalam Bahagian IV, VI, IX, X dan XIII.<sup>[2]</sup>

Perkhidmatan kewangan Islam yang dibenarkan dan dikawalselia oleh APKI terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

- (a) Perniagaan yang dibenarkan yang dilesenkan oleh Menteri, atas syor BNM, di bawah seksyen 10 APKI.<sup>[3]</sup> Ini meliputi perniagaan perbankan Islam,<sup>[4]</sup> perniagaan takaful,<sup>[5]</sup> perniagaan perbankan Islam antarabangsa<sup>[6]</sup> dan perniagaan takaful antarabangsa.<sup>[7]</sup>
- (b) Perniagaan yang diluluskan oleh BNM di bawah seksyen 11 APKI. Ini meliputi bentuk-bentuk perniagaan sebagaimana yang disenaraikan dalam Bahagian 1, Jadual 1<sup>[8]</sup> iaitu operasi sistem pembayaran,<sup>[9]</sup> instrumen pembayaran Islam<sup>[10]</sup> dan pengeluaran instrumen pembayaran Islam yang ditetapkan.<sup>[11]</sup> Selain itu, perniagaan pembrokeran takaful,<sup>[12]</sup> perniagaan nasihat kewangan Islam,<sup>[13]</sup> pasaran wang Islam dan pasaran pertukaran asing Islam juga dikawalselia oleh APKI.

Secara ringkasnya, APKI mempunyai peruntukan sebanyak 291 seksyen

yang dibahagikan kepada 18 Bahagian sebagaimana diringkaskan dalam Jadual 1 di bawah:

**Jadual 1: Ringkasan Kandungan APKI**

<b>Bahagian</b>	<b>Kandungan</b>
Bahagian I	Permulaan (seksyen 1-5)
Bahagian II	Objektif Pengawalseliaan dan Kuasa dan Fungsi Bank (seksyen 6-7)
Bahagian III	Pemberikuasaan (seksyen 8-26)
Bahagian IV	Kehendak Shariah (seksyen 27-38)
Bahagian V	Sistem Pembayaran (seksyen 39-55)
Bahagian VI	Kehendak Berhemat (seksyen 56-97)
Bahagian VII	Pemunyaan, Kawalan dan Pemindahan Perniagaan (seksyen 98-119)
Bahagian VIII	Kumpulan Kewangan (seksyen 120-132)
Bahagian IX	Pelakuan Perniagaan dan Perlindungan Pengguna (seksyen 133-151)
Bahagian X	Pasaran Wang Islam dan Pasaran Pertukaran Asing Islam (seksyen 152-154)
Bahagian XI	Pengemukaan Dokumen atau Maklumat (seksyen 155-157)
Bahagian XII	Pemeriksaan (seksyen 158-165)

Bahagian XIII	Arahan Pematuhan (seksyen 166-171)
Bahagian XIV	Campurtangan dan Tindakan Remedi (seksyen 172-221)
Bahagian XV	Kuasa Bank yang Lain (seksyen 222-228)
Bahagian XVI	Penguatkuasaan dan Penalti (seksyen 229-269)
Bahagian XVII	Peruntukan Am (seksyen 270-281)
Bahagian XVIII	Pemansuhan, Kecualian dan Peralihan (seksyen 282-291)

## **PERUNTUKAN-PERUNTUKAN BERKAITAN KEHENDAK SHARIAH DI BAWAH APKI**

APKI kini mempunyai peruntukan yang lebih khusus berkaitan dengan kehendak Shariah untuk dipatuhi oleh institusi-institusi yang menawarkan perkhidmatan kewangan Islam. Peruntukan-peruntukan berkaitan dengan kehendak Shariah telah diperuntukkan dalam Bahagian IV. Secara umumnya kehendak Shariah di bawah APKI terdiri daripada 3 komponen utama sebagaimana diringkaskan dalam Jadual di bawah:

**Jadual 2: Komponen Kehendak Shariah di bawah APKI**

<b>Komponen</b>	<b>Kandungan Peruntukan</b>
Penggal 1 – Pematuhan Shariah	Seksyen 27 - Tafsiran Seksyen

	<p>28 - Kewajipan institusi memastikan pematuhan Shariah</p> <p>Seksyen 29 - Kuasa Bank menentukan standard mengenai perkara Shariah</p>
Penggal 2 – Tadbir Urus Shariah	<p>Seksyen 30 - Penubuhan jawatankuasa Shariah</p> <p>Seksyen 31 - Pelantikan anggota jawatankuasa Shariah</p> <p>Seksyen 32 - Kewajipan jawatankuasa Shariah dan anggotanya</p> <p>Seksyen 33 - Pemberhentian sebagai anggota jawatankuasa Shariah</p> <p>Seksyen 34 - Notis pemberhentian sebagai anggota jawatankuasa Shariah</p> <p>Seksyen 35 - Maklumat untuk diberikan kepada jawatankuasa Shariah</p> <p>Seksyen 36 - Perlindungan bersyarat dan kewajipan kerahsiaan</p>
Penggal 3 – Audit atas pematuhan Shariah	<p>Seksyen 37 - Pelantikan orang oleh institusi untuk menjalankan audit pematuhan Shariah</p> <p>Seksyen 38 - Pelantikan orang oleh Bank untuk menjalankan audit pematuhan Shariah</p>

### **Komponen 1 - Pematuhan Shariah**

Penggal 1 Bahagian IV menjelaskan aspek keperluan pematuhan Shariah oleh institusi-institusi yang menawarkan perkhidmatan kewangan di bawah IFSA. Penggal ini mempunyai 3 peruntukan iaitu bermula daripada seksyen 27 hingga seksyen 29. Seksyen 27 menjelaskan maksud “institusi” iaitu merujuk kepada orang yang diberi kuasa atau pengendali sistem pembayaran yang ditetapkan.

Seksyen 28 pula menjelaskan kewajipan institusi untuk sentiasa memastikan aspek Shariah adalah dipatuhi sepenuhnya. Kewajipan kepatuhan kepada aspek Shariah ini adalah merupakan kehendak yang berterusan selagi mana institusi itu menjalankan perkhidmatan kewangan Islam. Kepatuhan kepada prinsip-prinsip Shariah ini adalah meliputi matlamat dan pengendalian institusi terbabit, perniagaannya, hal ehwalnya dan aktivitinya.<sup>[14]</sup> Ini termasuklah juga keperluan mematuhi apa-apa keputusan yang dibuat oleh Majlis Penasihat Shariah<sup>[15]</sup> (selepas ini dirujuk sebagai “MPS”) BNM berkaitan dengan perkara-perkara tersebut.<sup>[16]</sup>

Subseksyen 28(3) pula menjelaskan tindakan-tindakan yang perlu diambil oleh sesebuah institusi sekiranya sesebuah institusi dalam apa-apa perniagaan, hal ehwal dan aktiviti yang dijalankan adalah tidak mematuhi Shariah atau menyalahi nasihat jawatankuasa Shariah institusi terbabit atau menyalahi nasihat atau keputusan MPS BNM.<sup>[17]</sup> Tindakan-tindakan yang perlu dilakukan oleh institusi terbabit adalah:<sup>[18]</sup>

- (a) Dengan serta merta memaklumkan kepada BNM dan jawatankuasa Shariah institusi terbabit berkenaan dengan ketidakpatuhan yang berlaku;
- (b) Dengan serta-merta berhenti daripada menjalankan perniagaan, hal ehwal atau aktiviti itu dan daripada mengambil apa-apa perniagaan, hal ehwal atau aktiviti lain yang serupa; dan
- (c) Dalam tempoh tiga puluh hari setelah menyedari ketidakpatuhan atau apa-apa tempoh yang lanjut sebagaimana yang ditentukan oleh BNM, institusi terbabit perlu mengemukakan kepada BNM suatu rancangan mengenai pembetulan ketidakpatuhan itu.

APKI juga memberikan kuasa budibicara kepada BNM untuk melakukan penilaian terhadap mana-mana institusi yang terlibat dengan ketidakpatuhan Syariah bagi memastikan samada institusi terbabit telah membetulkan apa-apa ketidakpatuhan yang telah berlaku.<sup>[19]</sup> Selain daripada itu APKI juga menjelaskan tindakan undang-undang yang boleh dikenakan akibat kegagalan mematuhi peruntukan subseksyen 28(1) atau subseksyen 28(3). Kegagalan mematuhi subseksyen-subseksyen terbabit adalah merupakan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi lapan tahun atau didenda tidak melebihi Ringgit Malaysia dua puluh lima juta atau kedua-duanya sekali.<sup>[20]</sup>

Selain daripada itu, BNM turut diberikan kuasa untuk menentukan standard-standard berkaitan dengan perkara-perkara Syariah berdasarkan kepada nasihat atau keputusan daripada MPS. Dalam hal ini, BNM boleh menentukan standard-standard meliputi:<sup>[21]</sup>

- (a) mengenai perkara Syariah berkenaan dengan penjalanan perniagaan, hal ehwal atau aktiviti oleh suatu institusi yang menghendaki penentuan hukum Syarak oleh MPS; dan
- (b) untuk memberi kesan kepada nasihat atau keputusan MPS.

Subseksyen 29(2) memberi kebenaran kepada BNM untuk menentukan standard-standard yang berkaitan dengan perkara-perkara yang tidak melibatkan penentuan hukum Syarak.<sup>[22]</sup> Ini termasuklah perkara berkaitan dengan:

- (a) tadbir urus Syariah meliputi:



- a. fungsi dan kewajipan lembaga pengarah, pegawai kanan dan anggota jawatankuasa Syariah suatu institusi berhubungan dengan pematuhan Syariah;
  - b. kehendak layak dan sesuai atau kehilangan kelayakan, seorang anggota jawatankuasa Syariah; dan
  - c. fungsi pematuhan Syariah dalaman; dan
- (b) apa-apa perkara lain berhubungan dengan perniagaan, hal ehwal dan aktiviti institusi bagi maksud pematuhan Syariah.

Standard-standard yang dikeluarkan oleh BNM berkaitan dengan perkara Syariah atau tidak berkaitan dengan perkara Syariah sebagaimana diperuntukkan dalam subseksyen 29(1) dan (2) hendaklah sentiasa dipatuhi oleh tiap-tiap institusi, pengarahnya, ketua pegawai eksekutifnya, pegawai kanannya atau anggota jawatankuasa Shariahnya.<sup>[23]</sup> Tiap-tiap institusi juga hendaklah pada setiap masa memastikan bahawa dasar dan tatacara dalamannya mengenai tadbir urus Syariah adalah selaras dengan standard yang ditentukan oleh BNM. Demikian juga tiap-tiap institusi hendaklah sentiasa menguruskan perniagaannya, hal ehwalnya dan aktiviti mengikut cara yang tidak bertentangan dengan Syariah.<sup>[24]</sup>

Adalah menjadi tanggungjawab setiap pengarah, pegawai atau anggota jawatankuasa Syariah sesebuah institusi pada setiap masa mematuhi dasar dan tatacara dalaman yang diterima pakai oleh institusi itu untuk melaksanakan standard yang ditentukan oleh BNM dalam subseksyen 29(1) dan (2).<sup>[25]</sup> Mana-mana pihak yang gagal mematuhi apa-apa standard yang dibuat oleh BNM di bawah subseksyen 29(1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila

disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lapan tahun atau didenda tidak melebihi Ringgit Malaysia dua puluh lima juta atau kedua-duanya.<sup>[26]</sup>

## **Komponen 2 - Tadbir Urus Shariah**

Penggal 2 Bahagian IV APKI pula menyentuh berkaitan dengan keperluan tadbir urus Shariah untuk dilaksanakan di institusi-institusi perkhidmatan kewangan Islam. Secara umumnya, APKI menekankan perihal berkaitan dengan jawatankuasa Shariah meliputi:

- (a) Penubuhan jawatankuasa Shariah (seksyen 30);
- (b) Pelantikan anggota jawatankuasa Shariah (seksyen 31);
- (c) Kewajipan jawatankuasa Shariah dan anggotanya (seksyen 32);
- (d) Pemberhentian sebagai anggota jawatankuasa Shariah (seksyen 33);
- (e) Notis pemberhentian sebagai anggota jawatankuasa Shariah (seksyen 34);
- (f) Maklumat untuk diberikan kepada jawatankuasa Shariah (seksyen 35);  
dan
- (g) Perlindungan bersyarat dan kewajipan kerahsiaan (seksyen 36).

APKI menghendaki institusi perkhidmatan kewangan Islam yang dilesenkan di bawah APKI untuk menubuhkan suatu jawatankuasa Shariah bagi menasihati institusi terbabit dalam memastikan bahawa perniagaannya, hal ehwalnya dan aktivitinya adalah sentiasa mematuhi Shariah.<sup>[27]</sup> APKI juga membenarkan

kumpulan kewangan yang mempunyai beberapa buah institusi berlesen untuk mana-mana salah satu institusi berlesennya memohon kepada BNM untuk menubuhkan jawatankuasa Syariah tunggal dalam kumpulan kewangan terbabit. Namun kelulusan permohonan secara bertulis oleh BNM adalah tertakluk kepada BNM berpuas hati bahawa kewujudan jawatankuasa Syariah tunggal itu berkeupayaan menjalankan fungsi mereka untuk memastikan pematuhan Syariah oleh semua institusi berlesen dalam kumpulan kewangan terbabit.<sup>[28]</sup>

Selain daripada institusi perkhidmatan kewangan Islam yang berlesen, APKI juga memberikan kuasa kepada BNM untuk menghendaki orang yang diluluskan atau pengendali sistem pembayaran yang ditetapkan yang menjalankan aktiviti perkhidmatan kewangan Islam untuk menubuhkan jawatankuasa Syariah sekiranya perlu. Ini bertujuan memastikan perniagaan, hal ehwal dan aktiviti institusi-institusi terbabit adalah mematuhi Syariah.<sup>[29]</sup>

Berkaitan dengan pelantikan anggota jawatankuasa Syariah, APKI menetapkan bahawa seseorang yang akan dilantik, dilantik semula atau menerima pelantikan sebagai anggota jawatankuasa Syariah mestilah memenuhi syarat-syarat berikut:<sup>[30]</sup>

- (a) Memenuhi kehendak yang dinyatakan dalam standard-standard yang ditentukan oleh BNM yang dikeluarkan di bawah subperenggan 29(2)(a)(ii);<sup>[31]</sup> dan
- (b) Mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada BNM.

Demikian juga APKI melalui seksyen 32 menjelaskan berkaitan dengan kewajipan jawatankuasa Syariah dan anggotanya. Namun begitu peruntukan

tersebut adalah terlalu umum sekadar menetapkan bahawa jawatankuasa Shariah dan tiap-tiap anggotanya hendaklah mempunyai kewajipan dan fungsi sebagaimana yang ditentukan oleh BNM melalui standard-standard yang dikeluarkan di bawah subperenggan 29(2)(a)(i).<sup>[32]</sup>

Seterusnya APKI juga menjelaskan prosedur pemberhentian seseorang anggota jawatankuasa Shariah. Berdasarkan kepada APKI, seseorang anggota jawatankuasa Shariah hendaklah terhenti dalam keadaan-keadaan berikut:<sup>[33]</sup>

- (a) Anggota terbabit meletakkan jawatan sebagai anggota jawatankuasa Shariah;
- (b) Institusi menamatkan perlantikan anggota terbabit tertakluk kepada kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada BNM;
- (c) Anggota terbabit hilang kelayakan menurut mana-mana standard berkaitan yang dikeluarkan oleh BNM; dan
- (d) Anggota itu tidak lagi memenuhi kehendak layak dan sesuai sebagaimana yang ditentukan oleh BNM.

Bagi situasi di mana seseorang anggota jawatankuasa meletakkan jawatan atau menyedari bahawa dia telah hilang kelayakan sebagai anggota jawatankuasa Shariah sebagaimana yang ditetapkan oleh mana-mana standard yang dikeluarkan oleh BNM, anggota terbabit adalah terhenti menjadi anggota. Dia juga dikehendaki untuk memberitahu BNM akan hakikat dan sebab pemberhentian itu dengan serta merta atau tidak lewat dari 14 hari daripada tempoh dia terhenti daripada menjadi anggota jawatankuasa Shariah.<sup>[34]</sup> Manakala penamatan pelantikan seseorang

anggota jawatankuasa Syariah oleh sesebuah institusi hanyalah boleh dilakukan setelah mendapat kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada BNM untuk melakukan penamatan terbabit.<sup>[35]</sup>

Berkaitan dengan pemberhentian sebagai anggota jawatankuasa Syariah, APKI turut membenarkan BNM melalui perintah secara bertulis untuk memecat mana-mana anggota jawatankuasa Syariah mana-mana institusi perkhidmatan kewangan Islam.<sup>[36]</sup> BNM boleh mengambil tindakan tersebut sekiranya seseorang anggota itu terlibat dengan:

- (a) keadaan dalam perenggan 29(1)(c) dan (d), tetapi masih kekal sebagai anggota jawatankuasa Syariah; atau
- (b) anggota itu telah melanggar mana-mana peruntukan APKI atau gagal mematuhi mana-mana standard yang berkaitan.

Tindakan yang dilakukan oleh BNM untuk memberhentikan mana-mana ahli jawatankuasa Syariah di bawah subseksyen 33(5) adalah merupakan tindakan yang sah menurut undang-undang. Tindakan yang diambil oleh BNM itu adalah sah di sisi undang-undang walaupun tindakan itu adalah bertentangan dengan kontrak perkhidmatan atau mana-mana perjanjian yang dibuat di bawah mana-mana undang-undang bertulis berkaitan dengan perlantikan anggota yang diambil tindakan terbabit. Bahkan, ahli jawatankuasa yang dipecat itu juga tidak berhak untuk menuntut apa-apa pampasan bagi kehilangan jawatan itu.<sup>[37]</sup>

APKI turut menjelaskan berkaitan dengan keperluan institusi untuk memaklumkan kepada BNM apabila seseorang ahli jawatankuasa Syariah itu terhenti menjadi jawatankuasa Syariah menurut perenggan 33(1)(a)(b) atau (d).

Dalam kes ahli yang hilang kelayakan sebagai ahli jawatankuasa Syariah, institusi hanya bertanggung untuk memaklumkan notis pemberhentian kepada BNM sekiranya maklumat berkaitan dengan hilang kelayakan terbabit diketahui oleh pihak institusi. Makluman kepada BNM mestilah dilakukan secara bertulis dengan menyatakan hakikat dan sebab pemberhentian tersebut secara serta merta atau dalam hal tertentu, tidak lewat daripada 14 hari dari tarikh pemberhentian yang berlaku.<sup>[38]</sup> Sekiranya berlaku kes seseorang ahli jawatankuasa Syariah terhenti daripada menjadi ahli atau dipecat oleh BNM, institusi terbabit adalah bertanggungjawab untuk melantik anggota baru jawatankuasa Syariahnya selari dengan kehendak seksyen 31 APKI.<sup>[39]</sup>

Elemen tadbir urus Syariah juga menekankan keperluan pemberian maklumat kepada jawatankuasa Syariah apabila dikehendaki. Dalam hal ini, APKI mewajibkan mana-mana pengarah, pegawai atau pengawal sesebuah institusi perkhidmatan kewangan Islam untuk memberikan apa-apa dokumen atau maklumat yang berada dalam pengetahuannya atau yang boleh didapati kepada jawatankuasa Syariah. Pihak-pihak berkaitan itu juga perlu memastikan bahawa dokumen atau maklumat yang diberikan itu adalah tepat, lengkap, tidak palsu atau tidak mengelirukan dalam apa-apa butir material.<sup>[40]</sup> Namun begitu, adalah menjadi tanggungjawab kepada ahli jawatankuasa Syariah untuk tidak mendedahkan apa-apa dokumen atau maklumat yang diperolehi kepada mana-mana pihak kecuali menurut seksyen 36 APKI.<sup>[41]</sup>

Seksyen 36 APKI menjelaskan berkaitan dengan perlindungan bersyarat dan kewajipan kerahsiaan terhadap anggota jawatankuasa Syariah. Anggota jawatankuasa Syariah adalah tidak bertanggung terhadap kemungkiran

kewajipan kerahsiaan dengan institusi yang melantik mereka dalam keadaan-keadaan berikut:

- (a) apa-apa pelaporan kepada BNM; atau
- (b) dalam menunaikan kewajipan dan pelaksanaan sebagai ahli jawatankuasa Syariah sebagaimana yang telah ditetapkan oleh undang-undang secara suci hati.

Mereka juga adalah tidak bertanggung seandainya untuk dibawa guaman dalam mana-mana mahkamah bagi memfitnah berkenaan dengan apa-apa pernyataan yang dibuat oleh anggota itu tanpa niat jahat dalam penunaian kewajipannya di bawah APKI ini.<sup>[42]</sup>

### **Komponen 3 - Audit Pematuhan Syariah**

Elemen ketiga berkaitan dengan Kehendak Syariah adalah melibatkan audit pematuhan Syariah. Perkara ini terkandung dalam seksyen 37 dan 38 APKI. Seksyen 37 memperuntukkan berkaitan dengan perlantikan orang oleh institusi perkhidmatan kewangan untuk menjalankan audit pematuhan Syariah. Berdasarkan kepada peruntukan tersebut, BNM diberikan kuasa untuk menghendaki sesebuah institusi untuk melantik mana-mana orang yang diluluskan oleh BNM bagi tujuan menjalankan audit pematuhan Syariah di institusi berkenaan.<sup>[43]</sup> Orang yang dilantik untuk melakukan audit pematuhan Syariah terbabit adalah mempunyai kewajipan dan fungsi sebagaimana ditentukan oleh BNM. Dia juga perlu mengemukakan laporan mengenai audit yang telah dijalankan olehnya kepada BNM.<sup>[44]</sup> Saraan dan perbelanjaan orang yang dilantik bagi menjalankan audit itu adalah oleh pihak institusi.<sup>[45]</sup> Orang itu juga tidak bertanggung bagi

kemungkiran kewajipan kerahsiaan antaranya dan institusi terbabit berkenaan dengan perkara yang dilaporkan kepada BNM menurut audit pematuhan Shariah.<sup>[46]</sup>

Seksyen 38 APKI pula menjelaskan berkaitan dengan perlantikan orang oleh BNM untuk menjalankan audit pematuhan Shariah. Seksyen ini memberi kuasa kepada BNM untuk melantik mana-mana orang bagi menjalankan audit Shariah dalam keadaan berikut:<sup>[47]</sup>

- (a) institusi yang diarahkan gagal untuk melantik seseorang di bawah subseksyen 37(1) APKI;
- (b) sebagai tambahan kepada orang yang dilantik di bawah subseksyen 37(1) APKI;
- (c) dalam keadaan-keadaan lain yang BNM sifatkan wajar dilantik untuk tujuan pematuhan kepada Shariah oleh institusi berkaitan.

Bagi perlantikan-perlantikan yang dilakukan oleh BNM di atas, saraan dan perbelanjaan adalah atas tanggungjawab institusi.<sup>[48]</sup> Orang yang dilantik itu juga mempunyai kewajipan dan fungsi sebagaimana ditentukan oleh BNM. Dia juga berkewajipan mengemukakan laporan kepada BNM terhadap audit yang telah dilakukannya.<sup>[49]</sup> Selain itu dia juga tidak bertanggung bagi kemungkiran kewajipan kerahsiaan antara orang itu dan institusi itu berkenaan dengan perkara yang dilaporkan kepada BNM menurut audit pematuhan Shariah.<sup>[50]</sup>

## **KEMUNGKIRAN-KEMUNGKIRAN BERKAITAN DENGAN KEHENDAK SHARIAH**



APKI turut menjelaskan bentuk-bentuk hukuman yang boleh dikenakan kepada pihak-pihak yang melakukan kemungkiran terhadap peruntukan-peruntukan berkaitan dengan kehendak Shariah. Seseorang adalah melakukan kemungkiran di bawah APKI sekiranya orang itu gagal untuk mematuhi atau memberi kesan kepada:<sup>[51]</sup>

- (a) mana-mana peruntukan APKI;
- (b) mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah APKI;
- (c) apa-apa perintah yang dibuat atau apa-apa arahan yang dikeluarkan di bawah APKI ini oleh BNM termasuk suata perintah yang dibuat di bawah seksyen 106 atau suatu arahan yang dikeluarkan di bawah seksyen 128 atau 168, subseksyen 225(6) atau seksyen 227; atau
- (d) mana-mana standard, syarat, sekatan, penentuan, kehendak atau kod di bawah APKI.

Dalam memutuskan sesuatu tindakan yang akan diambil terhadap pihak-pihak yang mungkir, APKI menetapkan bahawa BNM hendaklah mengambilkira faktor-faktor berikut:<sup>[52]</sup>

- (a) keberkesanan tindakan penguatkuasaan yang akan diambil di bawah di APKI;
- (b) perkadaran tindakan yang akan diambil dengan kemungkiran yang dilakukan;
- (c) pencegahan kemungkiran masa hadapan yang serupa keadaannya oleh

orang lain; dan

- (d) apa-apa perkara lain yang dipertimbangkan sebagai berkaitan pada pendapat BNM.

APKI memberikan kuasa kepada BNM untuk mengambil tindakan pentadbiran kepada mana-mana pihak yang telah melakukan kemungkiran terhadap APKI. Subseksyen 245(3) menyatakan:

“245(3) Sekiranya pada pendapat Bank bahawa seseorang itu telah melakukan suatu kemungkiran dan adalah wajar untuk mengambil tindakan terhadap orang itu, Bank boleh, tertakluk kepada seksyen 273, mengambil mana-mana satu atau lebih daripada tindakan yang berikut:

- (a) membuat suatu perintah secara bertulis menghendaki orang yang mungkir:-

- (i) untuk mematuhi atau memberi kesan kepada; atau
- (ii) untuk melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan untuk memastikan pematuhan dengan,

mana-mana peruntukan, peraturan-peraturan, perintah, arahan, standard, syarat, sekatan, penentuan, kehendak atau kod yang disebut dalam subseksyen (1);

- (b) tertakluk kepada subseksyen (4), mengenakan suatu penalti monetari:-

- (i) mengikut perintah yang disiarkan dalam Warta yang dibuat di bawah seksyen 247 atau tiada perintah dibuat, apa-apa

amaun yang Bank berpendapat patut, tetapi dalam apa-apa keadaan tidak melebihi lima juta ringgit dalam hal suatu kemungkiran yang dilakukan oleh suatu pertubuhan yang diperbadankan atau pertubuhan yang tidak diperbadankan atau satu juta ringgit dalam hal suatu kemungkiran yang dilakukan oleh individu, mengikut mana-mana yang berkenaan;

- (ii) yang tidak melebihi tiga kali ganda amaun kasar ganjaran yang diperoleh atau kehilangan yang dielakkan oleh orang itu yang berbangkit daripada kemungkiran itu; atau
- (iii) yang tidak melebihi tiga kali ganda amaun wang yang menjadi hal perkara kemungkiran itu,

yang mana lebih besar untuk setiap kemungkiran atau kegagalan untuk mematuhi;

(c) mencela secara bertulis orang yang mungkir atau menghendaki orang yang mungkir itu untuk mengeluarkan suatu kenyataan umum berhubungan dengan kemungkiran itu sekiranya pada pendapat Bank kemungkiran itu berkaitan bagi maklumat am orang awam;

(d) membuat suatu perintah secara bertulis menghendaki orang yang mungkir itu mengambil apa-apa langkah sebagaimana yang diarahkan oleh Bank untuk mengurangkan kesan kemungkiran itu; atau

(e) membuat suatu perintah secara bertulis menghendaki orang yang

diberi kuasa, pengendali suatu sistem pembayaran yang ditetapkan atau peserta pasaran untuk meremеди kemungkiran itu termasuk membuat restitusi kepada mana-mana orang lain yang terkilan dengan kemungkiran itu.”

Subseksyen 245(3) memberikan alternatif kepada BNM untuk mengambil apa-apa tindakan pentadbiran yang difikirkan wajar bagi kemungkiran-kemungkiran yang dilakukan terhadap APKI. Ini termasuklah kemungkiran-kemungkiran yang berkaitan dengan kehendak Shariah. Dalam pada itu, terdapat juga kemungkiran-kemungkiran yang berlaku berkaitan dengan kehendak Shariah ini yang boleh membawa kepada hukuman berbentuk penalti monetari sebagaimana dijelaskan dalam perenggan 245(3)(b) di atas.

Berkaitan dengan penalti monetari, subseksyen 245(4) memperuntukkan:

“245(4) Bank boleh mengenakan suatu penalti monetari di bawah perenggan (3)(b) hanya berkenaan dengan yang berikut:

- (a) kemungkiran mana-mana peruntukan yang dinyatakan dalam Jadual 15;
- (b) kemungkiran apa-apa kehendak di bawah mana-mana peruntukan yang lain di bawah Akta ini jika tiada kesalahan diperuntukkan bagi ketidakpatuhan kehendak itu;
- (c) kegagalan untuk mematuhi mana-mana kehendak yang dikenakan di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini jika tiada peruntukan bagi pengenaan penalti diperuntukkan mengikut

perenggan 271(2)(d); atau

(d) kegagalan untuk mematuhi mana-mana standard, kod, perintah, arahan, kehendak, syarat, penentuan, sekatan atau selainnya yang dibuat atau dikenakan menurut mana-mana peruntukan yang dinyatakan dalam Jadual 15.”

Merujuk kepada Jadual 15, penalti monetari boleh dikenakan bagi kemungkiran-kemungkiran berkaitan dengan kehendak Shariah yang berlaku di bawah peruntukan-peruntukan berikut:

- (a) subseksyen 29(2);
- (b) perenggan 29(4)(a) atau subseksyen 29(5);
- (c) subseksyen 30(1), (2) atau (3);
- (d) seksyen 31;
- (e) seksyen 32;
- (f) perenggan 33(1)(c) atau (d), atau subseksyen (2) atau (3);
- (g) subseksyen 34(1) atau (2);
- (h) subseksyen 35(1) atau (2);
- (i) subseksyen 37(1) atau (2);
- (j) subseksyen 38(2);

Kemungkiran-kemungkiran yang dilakukan di bawah APKI berkaitan dengan kehendak Shariah boleh berlaku berpunca daripada anggota jawatankuasa Shariah, institusi kewangan Islam dan pegawai-pegawai institusi itu sendiri. Begitu juga kemungkiran berkaitan dengan audit Shariah boleh berlaku terhadap institusi dan juga oleh orang yang dilantik untuk menjalankan audit Shariah. Sekiranya pihak-pihak terbabit melakukan kemungkiran, mereka adalah melakukan suatu kesalahan dan jika sabit, boleh dikenakan penalti. Bentuk-bentuk kemungkiran dan penalti boleh diperhatikan dalam Jadual-jadual berikut:

**Jadual 3: Kemungkiran-kemungkiran oleh Anggota Jawatankuasa Shariah**

<b>Peruntukan</b>	<b>Kemungkiran</b>	<b>Penalti</b>
Subseksyen 29(1)	Kegagalan mematuhi mana-mana standard yang dikeluarkan oleh BNM berkaitan:  (a) perkara Shariah berkenaan dengan penjalanan perniagaan, hal ehwal atau aktiviti oleh suatu institusi yang menghendaki penentuan hukum Syarak oleh Majlis Penasihat Shariah; dan  (b) untuk memberi kesan kepada nasihat atau keputusan Majlis Penasihat Shariah.	Subseksyen 29(6) - Jika disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lapan tahun atau didenda tidak melebihi dua puluh lima juta ringgit atau kedua-duanya.
Subseksyen 29(2)	Kegagalan untuk mematuhi mana-mana standard yang dikeluarkan oleh BNM berkaitan dengan tadbir urus Shariah.	Subseksyen 245 (3)
Subseksyen 29(5)	Kegagalan untuk mematuhi dasar dan tatacara dalaman yang diterima pakai oleh institusi untuk melaksanakan standard yang ditentukan oleh BNM.	

Seksyen 31	Menerima perlantikan sebagai ahli jawatankuasa Syariah tanpa memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh BNM dan tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada BNM.
Seksyen 32	Kegagalan untuk melaksanakan kewajipan dan fungsi yang dinyatakan dalam mana-mana standard yang ditentukan oleh BNM.
Perenggan 33(1)(c)	Kegagalan untuk berhenti daripada menjadi ahli jawatankuasa Syariah apabila hilang kelayakan menurut mana-mana standard yang ditentukan oleh BNM.
Perenggan 33(1)(d)	Kegagalan untuk berhenti daripada menjadi ahli jawatankuasa Syariah apabila tidak lagi memenuhi kehendak layak dan sesuai sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.
Subseksyen 33(2)	Kegagalan untuk memaklumkan secara bertulis kepada BNM hakikat dan sebab pemberhentian atau menyedari bahawa dia telah hilang kelayakan menurut mana-mana standard yang ditentukan oleh BNM dengan serta merta atau dalam apa-apa hal tidak lewat dari empat belas hari dari hal keadaan itu.
Subseksyen 35(2)	Mendedahkan dokumen atau maklumat yang diperolehi daripada institusi kepada orang lain selain daripada yang diperuntukkan dalam seksyen 36.

**Jadual 4: Kemungkiran-kemungkiran oleh Institusi**

<b>Peruntukan</b>	<b>Kemungkiran</b>	<b>Penalti</b>
Subseksyen 28(1)	Kegagalan memastikan institusi pada setiap masa bahawa matlamat dan pengendaliannya, perniagaannya, hal ehwalnya dan aktivitinya adalah mematuhi Shariah.	Subseksyen 28(5) - Jika disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lapan tahun atau didenda tidak
Subseksyen 28(3)	Kegagalan institusi untuk mengambil tindakan-tindakan apabila menyedari bahawa ia menjalankan apa-apa perniagaan, hal ehwal dan aktiviti dengan cara yang tidak mematuhi Shariah atau nasihat jawatankuasa Shariahnya atau nasihat atau keputusan Majlis Penasihat Shariah.	melebihi dua puluh lima juta ringgit atau kedua-duanya.
Subseksyen 29(1)	Kegagalan mematuhi mana-mana standard yang dikeluarkan oleh BNM berkaitan:  (a) perkara Shariah berkenaan dengan perjalanan perniagaan, hal ehwal atau aktiviti oleh suatu institusi yang menghendaki penentuan hukum Syarak oleh Majlis Penasihat Shariah; dan  (b) untuk memberi kesan kepada nasihat atau keputusan Majlis Penasihat Shariah.	Subseksyen 29(6) - Jika disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lapan tahun atau didenda tidak melebihi dua puluh lima juta ringgit atau kedua-duanya.
Subseksyen 29(3)	Kegagalan untuk mematuhi standard-standard yang dikeluarkan di bawah subseksyen 29(1) dan (2).	Subseksyen 245 (3)
Perenggan 29(4)(a)	Kegagalan memastikan bahawa dasar dan tatacara dalamannya mengenai tadbir urus Shariah adalah selaras dengan standard yang ditentukan oleh BNM.	



Seksyen 30	Kegagalan untuk menubuhkan jawatankuasa Syariah sebagaimana dikehendaki di bawah subseksyen 30(1), (2) dan (3).	
Seksyen 31	Melantik dan melantik semula ahli jawatankuasa Syariah yang tidak memenuhi kehendak yang dinyatakan dalam apa-apa standard sebagaimana yang ditentukan oleh BNM dan tanpa mendapat kebenaran bertulis terdahulu BNM.	
Subseksyen 33(3)	Menamatkan perlantikan anggota jawatankuasa Syariah tanpa terlebih dahulu mendapatkan kelulusan bertulis terdahulu BNM untuk berbuat demikian.	
Subseksyen 34(1)	Kegagalan untuk memaklumkan secara bertulis kepada BNM hakikat dan sebab pemberhentian yang berlaku di bawah subseksyen 33(1) dengan serta merta atau dalam apa-apa hal tidak lewat dari empat belas hari dari hal keadaan itu.	
Subseksyen 34(2)	Kegagalan untuk melantik ahli jawatankuasa Syariah yang baru sebagaimana yang ditentukan oleh BNM dalam kes pemberhentian seseorang ahli jawatankuasa Syariah di bawah subseksyen 33(1) atau (4).	
Subseksyen 35(1)	Kegagalan: (a) memberikan apa-apa dokumen atau maklumat yang berada dalam pengetahuannya atau yang boleh didapati olehnya yang dikehendaki oleh	

	<p>jawatankuasa Syariah; dan</p> <p>(b) memastikan bahawa dokumen atau maklumat yang diberikan di bawah perenggan (a) adalah tepat, lengkap, tidak palsu atau tidak mengelirukan dalam apa-apa butir material.</p>	
Subseksyen 37(1)	Kegagalan institusi untuk melantik mana-mana orang untuk menjalankan audit pematuhan Syariah oleh institusi.	

**Jadual 5: Kemungkiran-kemungkiran oleh Pegawai Institusi**

Peruntukan	Kemungkiran	Penalti
Subseksyen 29(1)	<p>Kegagalan mematuhi mana-mana standard yang dikeluarkan oleh BNM berkaitan:</p> <p>(a) perkara Syariah berkenaan dengan perjalanan perniagaan, hal ehwal atau aktiviti oleh suatu institusi yang menghendaki penentuan hukum Syarak oleh Majlis Penasihat Syariah; dan</p> <p>(b) untuk memberi kesan kepada nasihat atau keputusan Majlis Penasihat Syariah.</p>	<p>Subseksyen 29(6) -</p> <p>Jika disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lapan tahun atau didenda tidak melebihi dua puluh lima juta ringgit atau kedua-duanya.</p>
Subseksyen 29(3)	Kegagalan pengarahnya, ketua pegawai eksekutifnya dan pegawai kanannya untuk mematuhi standard-standard yang dikeluarkan di bawah subseksyen 29(1) dan (2).	Subseksyen 245 (3)
Subseksyen 29(5)	Kegagalan pengarahnya atau pegawainya untuk mematuhi dasar dan tatacara dalaman	

	yang diterima pakai oleh institusi untuk melaksanakan standard yang ditentukan oleh BNM.	
Subsection 35(1)	<p>Kegagalan pengarah, pegawai atau pengawal institusi untuk:</p> <p>(a) memberikan apa-apa dokumen atau maklumat yang berada dalam pengetahuannya atau yang boleh didapatinya yang dikehendaki oleh jawatankuasa Shariah; dan</p> <p>(b) memastikan bahawa dokumen atau maklumat yang diberikan di bawah perenggan (a) adalah tepat, lengkap, tidak palsu atau tidak mengelirukan dalam apa-apa butir material.</p>	

**Jadual 6: Kemungkiran-kemungkiran oleh orang yang dilantik untuk menjalankan audit Shariah**

Peruntukan	Kemungkiran	Penalti
Subseksyen 37(2)	Kegagalan orang yang dilantik di bawah untuk menjalankan audit Shariah di bawah subseksyen 37(1) untuk melaksanakan kewajipan dan fungsi sebagaimana yang ditentukan oleh BNM dan kegagalan untuk mengemukakan laporan kepada BNM mengenai audit yang dijalankan.	Subseksyen 245 (3)
Subseksyen 38(2)	Kegagalan orang yang dilantik di bawah untuk menjalankan audit Shariah di bawah subseksyen 38(1) untuk melaksanakan	

kewajipan dan fungsi sebagaimana yang ditentukan oleh BNM dan kegagalan untuk mengemukakan laporan kepada BNM.
--

Berdasarkan kepada jadual-jadual di atas, dapat diperhatikan bahawa APKI mempunyai bentuk-bentuk hukuman yang jelas bagi kemungkiran-kemungkiran yang berkaitan dengan kehendak Shariah. Setiap pihak yang terlibat dalam sesebuah institusi yang tertakluk kepada APKI perlu senantiasa mematuhi kehendak undang-undang berkaitan Shariah. Kegagalan mematuhi peruntukan-peruntukan terbabit boleh membawa kepada hukuman atau penalty sebagaimana ditetapkan oleh APKI.

## **PENUTUP**

Berdasarkan kepada perbincangan yang telah dilakukan, dapatlah diperhatikan bahawa kerajaan Malaysia amat menitikberatkan soal kepatuhan kepada Shariah oleh institusi-institusi yang menyediakan perkhidmatan kewangan Islam. Kini semua institusi yang terlibat dalam sektor perkhidmatan kewangan Islam di bawah APKI perlulah mematuhi peruntukan undang-undang yang terkandung dalam APKI terutamanya berkaitan dengan kehendak Shariah yang meliputi tiga komponen utama yang terdiri daripada komponen pematuhan Shariah, tadbir urus Shariah dan audit pematuhan Shariah. Kegagalan mematuhi kehendak Shariah adalah merupakan suatu kemungkiran dan boleh dihukum di bawah APKI. Justeru, semua pihak yang terlibat perlulah memastikan setiap peruntukan berkaitan dengan kehendak Shariah adalah dipatuhi sepenuhnya dan memastikan bahawa sesebuah institusi yang menjalankan perkhidmatan kewangan Islam adalah mematuhi prinsip-prinsip Shariah.

\* Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Undang-undang, Kolej Undang-undang, Kerajaan & Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia, [hmazam@uum.edu.my](mailto:hmazam@uum.edu.my).

\*\* Profesor Madya, Kulliyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, [hirusni@iium.edu.my](mailto:hirusni@iium.edu.my).

\*\*\* Profesor Madya, Kulliyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, [haznan@iium.edu.my](mailto:haznan@iium.edu.my).

**Nota penghujung:**

[1] APK, subseksyen 15(1).

[2] *Ibid*, seksyen 14.

[3] APKI, perenggan 8(1)(a).

[4] *Ibid*, subseksyen 2(1) mendefinisikan, “perniagaan perbankan Islam” ertinya perniagaan:-

(a) menyetujui terima deposit Islam atas akaun semasa, akaun deposit, akaun simpanan atau akaun lain yang serupa, dengan atau tanpa perniagaan membayar atau memungut cek yang dikeluarkan atau dibayar oleh pelanggan; atau

(b) menyetujui terima wang di bawah suatu akaun pelaburan; dan

(c) penyediaan pembiayaan; dan

(d) apa-apa perniagaan lain sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 3.

[5] *Ibid*, “perniagaan takaful” ertinya perniagaan yang berhubungan dengan pentadbiran, pengurusan dan operasi suatu kumpulan wang takaful untuk peserta takafulnya yang mungkin melibatkan elemen pelaburan atau simpanan dan termasuklah perniagaan takaful semula dan sebutan mengenai menjalankan perniagaan takaful boleh termasuk semua atau mana-mana

aktiviti yang dinyatakan dalam perenggan 5(4)(a).

[6] *Ibid*, “perniagaan perbankan Islam antarabangsa” ertinya perniagaan perbankan Islam dalam mata wang selain ringgit atau apa-apa perniagaan lain sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 3.

[7] *Ibid*, “perniagaan takaful antarabangsa” ertinya perniagaan takaful dalam mata wang selain ringgit.

[8] *Ibid*, perenggan 8(1)(b).

[9] *Ibid*, subseksyen 2(1) mendefinisikan “sistem pembayaran” ertinya apa-apa sistem atau perkiraan bagi pemindahan, penjelasan atau penyelesaian dana atau sekuriti yang perkiraan operasi sistem pembayaran itu atau pelakuan perniagaan pengendali sistem pembayaran itu adalah mengikut Shariah.

[10] *Ibid*, “instrumen pembayaran Islam” ertinya apa-apa instrumen, sama ada yang ketara atau tidak ketara, yang tidak melibatkan apa-apa elemen yang bertentangan dengan Shariah, yang membolehkan seorang untuk mendapatkan wang, barangan atau perkhidmatan atau untuk membuat apa-apa pembayaran.

[11] *Ibid*, “instrumen pembayaran Islam yang ditetapkan” ertinya suatu instrumen pembayaran Islam yang ditetapkan sebagai suatu instrumen pembayaran Islam yang ditetapkan di bawah seksyen 41.

[12] *Ibid*, “perniagaan pembrokeran takaful” ertinya perniagaan mensolisit, merundingkan atau mendapatkan suatu sijil takaful dengan seorang pengendali takaful, atau pembaharuan atau penerusan sijil takaful oleh seseorang, bagi peserta takaful selain dirinya dan termasuklah pembrokeran takaful semula bagi seorang pengendali takaful.

[13] *Ibid*, “perniagaan nasihat kewangan Islam” ertinya mana-mana yang berikut:

- (a) menganalisis keperluan perancangan kewangan seorang yang berhubungan dengan suatu produk takaful;

- (b) mengesyorkan suatu produk takaful yang sesuai kepada seseorang;
- (c) mendapatkan suatu produk takaful daripada pengendali takaful berlesen kepada seseorang;
- (d) mengatur suatu kontrak berkenaan dengan suatu produk takaful bagi seseorang; atau
- (e) apa-apa perniagaan, perkhidmatan kewangan atau aktiviti lain berhubungan dengan suatu perkhidmatan kewangan sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 3;

[14] *Ibid*, subseksyen 28(1).

[15] MPS BNM yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Akta 701) adalah merupakan pihak berkuasa bagi penentuan hukum Syarak bagi maksud perniagaan kewangan Islam yang berada di bawah penyeliaan BNM. Aspek-aspek perundangan berkaitan dengan MPS adalah dikawalselia oleh peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Akta 701 (seksyen 51 hingga 58).

[16] *Ibid*, subseksyen 28(2).

[17] *Ibid*, subseksyen 28(3).

[18] *Ibid*, perenggan 28(3)(a)(b) dan (c).

[19] *Ibid*, subseksyen 28(4).

[20] *Ibid*, subseksyen 28(5).

[21] *Ibid*, subseksyen 29(1).

[22] Sebagai contohnya, BNM telah mengeluarkan garis panduan yang dikenali sebagai “Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions (BNM/RH/GL\_012\_3)” yang mula dikuatkuasakan pada 1 Januari 2011. Garis panduan ini adalah menyediakan keterangan tadbir urus Syariah yang perlu dipatuhi oleh semua institusi kewangan yang menjalankan urusan niaga

kewangan Islam di Malaysia.

[23] *Ibid*, subseksyen 29(3).

[24] *Ibid*, subseksyen 29(4).

[25] *Ibid*, subseksyen 29(5).

[26] *Ibid*, subseksyen 29(6).

[27] *Ibid*, subseksyen 30(1).

[28] *Ibid*, subseksyen 30(2).

[29] *Ibid*, subseksyen 30(3).

[30] *Ibid*, seksyen 31.

[31] APKI tidak menjelaskan prosedur yang perlu diikuti dan syarat-syarat yang perlu dipenuhi dalam proses perlantikan seseorang sebagai anggota jawatankuasa Shariah. Perkara-perkara itu adalah berdasarkan kepada ketetapan-ketetapan yang terkandung dalam Appendix 2: 'Fit & Proper' Criteria (person) of the Shariah Committee, Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions (BNM/RH/GL\_012\_3).

[32] APKI, seksyen 32. Kewajipan dan fungsi anggota jawatankuasa Shariah adalah terkandung dalam Appendix 4: Duties, Responsibilities & Accountability of the Shariah Committee, Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions (BNM/RH/GL\_012\_3).

[33] *Ibid*, subseksyen 33(1).

[34] *Ibid*, subseksyen 33(2).

[35] *Ibid*, subseksyen 33(3).

[36] *Ibid*, subseksyen 33(4).



[37] *Ibid*, subseksyen 33(5).

[38] *Ibid*, subseksyen 34(1).

[39] *Ibid*, subseksyen 34(2).

[40] *Ibid*, subseksyen 35(1).

[41] *Ibid*, subseksyen 35(1).

[42] *Ibid*, seksyen 36.

[43] *Ibid*, subseksyen 37(1).

[44] *Ibid*, subseksyen 37(2).

[45] *Ibid*, subseksyen 37(3).

[46] *Ibid*, subseksyen 37(4).

[47] *Ibid*, subseksyen 38(1).

[48] *Ibid*.

[49] *Ibid*, subseksyen 38(2).

[50] *Ibid*, subseksyen 38(3).

[51] *Ibid*, subseksyen 245(1).

[52] *Ibid*, subseksyen 245(2).